

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah cara, mekanisme atau formula pengiraan harga minyak yang dijual di pasaran domestik selepas subsidi minyak dimansuhkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, harga RON97, RON95 dan diesel di Malaysia pada masa ini ditentukan melalui kaedah *managed float* berasaskan Automatic Price Mechanism (APM). Melalui kaedah ini, harga runcit ditetapkan oleh Kerajaan pada hari pertama setiap bulan berdasarkan purata harga bulan sebelumnya kecuali pada bulan April

2015 di mana Kerajaan telah mengekalkan harga bulan Mac 2015. Dalam sesuatu bulan, sekiranya harga runcit lebih rendah daripada harga sebenar, maka Kerajaan akan menampung perbezaan harga tersebut dalam bentuk subsidi. Sebaliknya, jika harga runcit lebih tinggi daripada harga sebenar, perbezaan tersebut merupakan hasil kepada Kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SU KEONG SIONG
DARIPADA [IPOH TIMOR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) status pelaksanaan projek 1Bestarinet di sekolah-sekolah di seluruh negara, jumlah ibu bapa, pelajar dan guru yang telah dibekalkan dengan ID yang memberikan akses kepada program tersebut dan kemudahan internet mudah alih 4G; dan
- (b) jumlah sekolah yang telah dipasang dengan kemudahan ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan ID yang telah dijanakan dan diedarkan kepada pengguna 1BestariNet adalah seperti berikut iaitu sebanyak 5,008,374 kepada ibubapa, 4,922,317 kepada murid dan 543,450 kepada guru.
- (b) Setakat ini sebanyak 8,889 daripada 9,889 sekolah yang dijadualkan telah dirangkaikan melalui 1BestariNet. Sementara sekolah-sekolah yang lain masih menggunakan perkhidmatan internet yang dibekalkan oleh penyedia perkhidmatan internet setempat.